

♥05/02/12-20MST

CNS6343

U GB 05-02 00166 BA299

Aab

Mahathir - EAEG

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sedar tentang adanya usaha oleh Amerika Syarikat untuk cuba mempengaruhi negara tertentu supaya tidak menyertai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

+Walaupun demikian Malaysia akan terus berusaha menarik sebanyak mungkin negara di Asia Timur menyertai EAEG,+ katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan seminar dua hari mengenai Labuan: Pusat Kewangan Pesisiran Luar Pantai Antarabangsa di sini.

Ketika diminta pandangannya mengenai tindakan Amerika Syarikat itu, Perdana Menteri berkata semua negara mempunyai dan mengutamakan kepentingan sendiri.

+Jika mereka berpegang kepada kepentingan Amerika Syarikat, sudah tentu mereka tidak suka adanya kerjasama antara negara-negara lain kerana ini akan menghalang penguasaan ekonomi dunia oleh mereka,+ katanya.

Apabila ditanya sama ada Malaysia akan berbincang dengan Amerika Syarikat mengenai tindakan negara itu, beliau berkata Malaysia tidak mempunyai rancangan untuk itu kerana, menurutnya, +bukan bagi kita untuk cakap dengan mereka.+ -- Lagi.

♥05/02/12-12MST

CNS6345

U GB 05-02 00136 BA300

Aab

Mahathir - EAEG 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri menegaskan bahawa semasa Amerika Syarikat menubuhkan pasaran bersama dengan Kanada pun mereka tidak meminta pendapat Malaysia dan Malaysia tidak campur tangan.

Penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir akhir tahun lepas bertujuan membolehkan negara-negara di rantau Asia Timur merancang program perdagangan yang dapat membesarkan pasaran serta hubungan dagang sesama sendiri.

Ketika menjawab soalan sama ada tindakan Amerika Syarikat itu akan merunitkan usaha Malaysia menjadikan EAEG satu kenyataan, beliau berkata Malaysia sedia menghadapi segala halangan dan rintangan.

+Tidak ada usaha yang mudah untuk apa-apa pun,+ tambahnya.

Beliau berkata Malaysia juga tidak menetapkan tempoh atau menghadkan masa tertentu untuk EAEG menjadi kenyataan sambil menambah kata bahawa Malaysia sanggup bersabar untuk itu. -- Lagi.

♥05/02/12-14MST

CNS6359

R GB 05-02 00152 BA303

Aab

Mahathir - EAEG 3 Kuala Lumpur

Mengenai sokongan negara-negara lain di Asia Timur terhadap EAEG, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Korea Utara, Yon Hyong Muk, yang sedang melawat negara ini juga telah menyatakan sokongannya.

Katanya, bagaimanapun belum ada ketentuan mengenai penyertaan negara itu dalam EAEG.

Semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata cadangan penubuhan EAEG itu telah mendapat sokongan semua negara ASEAN.

Mengenai dasar ekonomi negara selepas Dasar Ekonomi Baru, Datuk Seri Dr Mahathir berkata draf pelan perspektifnya belum siap lagi tetapi secara umumnya kerajaan masih berpendapat bahawa usaha untuk mengimbangi kedudukan ekonomi antara kaum dan membasmi kemiskinan akan diteruskan.

+Cara mana kita akan mencapai matlamat ini belum dapat ditentukan,+ katanya sambil menambah bahawa kerajaan akan mengkaji laporan yang dibuat oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU). -- Lagi.

♥05/02/12-35MST

CNS6360

R GB 05-02 00073 BA304

Aab

Mahathir - EAEG 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata di samping itu kerajaan juga akan meneliti teguran dan pendapat yang dikemukakan oleh badan-badan seperti dewan-dewan perniagaan.

Beliau berkata kerajaan juga menjalankan kajiannya sendiri sejak tahun lepas lagi.

Mengenai ura-ura pembentukan kerajaan campuran PBS-USNO di Sabah, beliau berkata pada masa ini beliau belum dapat mengagak masa depan kerajaan itu. -- Bernama.